

# ULASAN PERUNDANGAN

## URUS TADBIR DATA KERAJAAN MENERUSI AKTA PERKONGSIAN DATA 2025

*Siti Nur Farah Atiqah Salleh*<sup>1</sup>  
sitinurfarah@uitm.edu.my

*Nur Mohd Iqzuan Samsudin*<sup>2</sup>  
iqzuan@unimel.edu.my

*Nasihah Naimat*<sup>3</sup>  
nasihahnaimat@uitm.edu.my

Jabatan Undang-undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia.<sup>1&3</sup>

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Islam Melaka, 78200 Alor Gajah, Melaka, Malaysia.<sup>2</sup>

Pengarang koresponden (Corresponding author):<sup>1</sup>

### PENDAHULUAN

Ledakan maklumat dan kepesatan teknologi dalam era Revolusi Industri 4.0 meletakkan data sebagai aset strategik yang makin penting dalam pentadbiran dan pembuatan keputusan kerajaan (Mohd Amiruddin Hamzah et al., 2020; Schwab, 2018). Namun demikian, kepentingan data ini turut menyebabkan cabaran perundangan yang signifikan, khususnya yang berkaitan dengan aspek kerahsiaan, kebertanggungjawaban dan keseragaman undang-undang dalam pemprosesan serta perkongsian data oleh agensi awam. Walaupun data memberikan manfaat besar kepada kerajaan dalam pembentukan dasar, penganalisan keadaan sosial masyarakat, serta pengurusan kewangan dan ekonomi negara (Abu Bakar Munir et al., 2015; Syafini Samsudin & Mohd Hizam Hanafiah, 2024), manfaat tersebut tidak dapat dipisahkan daripada keperluan untuk beroperasi dalam kerangka undang-undang yang jelas dan selaras.

Dalam konteks Malaysia, kerajaan merupakan pengumpul data terbesar dengan pelibatan lebih daripada dua puluh kementerian dan pelbagai agensi awam (Ahmad Ashraf Ahmad Shahrudin, 2021). Setiap entiti ini mengurus kategori data yang berbeza-beza, seperti data kesihatan, data kewangan dan data digital. Namun begitu, pemprosesan data yang berlaku secara berasingan atau *in silo* bukan

sahaja menyebabkan isu ketidakcekapan pentadbiran, malah implikasi perundangan yang lebih serius. Antaranya termasuklah risiko pelanggaran kerahsiaan data, ketidakjelasan tanggungjawab antara agensi, serta potensi konflik dalam pemakaian undang-undang sedia ada yang mengawal data kerajaan (Gong, 2024). Ketiadaan kerangka perundangan yang seragam bagi mengawal perkongsian data antara agensi awam menyebabkan ketidakpastian dari sudut tadbir urus dan perlindungan data (Serene Kan & Nicole Shieh, 2025).

Situasi ini menjadi lebih rumit apabila kerangka undang-undang sedia ada menunjukkan perbezaan yang jelas. Akta Rahsia Rasmi 1972 menekankan prinsip kerahsiaan dan sekatan pendedahan maklumat kerajaan, manakala Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Pindaan 2024) pula tertumpu pada pemprosesan data peribadi dalam sektor swasta. Jurang pengawalseliaan ini menimbulkan persoalan tentang cara perkongsian data sektor awam dapat dilaksanakan secara sah tanpa menjejaskan prinsip keselamatan dan kerahsiaan data, serta tanpa mencetuskan konflik undang-undang antara akta yang berkuat kuasa.

Susulan itu, Akta Perkongsian Data 2025 diperkenalkan bagi menyelesaikan isu ketidakseragaman undang-undang perkongsian data di Malaysia (Rang Undang-undang Perkongsian Data, 2024). Walau bagaimanapun, persoalan utama yang timbul ialah kekomprehensifan dan kemampuan akta ini untuk berfungsi sebagai pelengkap undang-undang sedia ada atau menimbulkan pertindihan dan cabaran normatif baharu dalam tadbir urus data awam. Oleh itu, ulasan ini dilakukan untuk mengenal pasti skop undang-undang Akta Perkongsian Data 2025, mengulas kandungan peruntukannya dan menilai kedudukannya dalam rangka perundangan sedia ada. Ulasan ini menggunakan metodologi analisis kandungan perundangan terhadap Akta Perkongsian Data 2025 dan undang-undang yang berkaitan, seperti Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Pindaan 2024) dan Akta Rahsia Rasmi 1972 bagi mencapai objektif kajian, serta mencadangkan penambahbaikan yang sesuai.

## **KERANGKA PERUNDANGAN BAGI URUS TADBIR DAN PERLINDUNGAN DATA DI MALAYSIA**

Sebelum membincangkan Akta Perkongsian Data 2025 secara mendalam, undang-undang sedia ada yang mengawal pengurusan dan perlindungan data di Malaysia penting untuk diteliti. Dua undang-undang utama yang relevan dalam konteks ini ialah Akta Rahsia Rasmi 1972 (ARR 1972) dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP 2010) yang dipinda pada tahun 2024.

Akta Rahsia Rasmi 1972 merupakan undang-undang utama yang mengawal keselamatan maklumat dan dokumen rasmi kerajaan. Dengan berdasarkan takrifan terma dalam Seksyen 2, “rahsia rasmi” ditakrifkan sebagai apa-apa suratan, maklumat atau bahan rasmi yang dikelaskan sebagai “Rahsia Besar”, “Rahsia”, “Sulit” atau “Terhad” sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang dilantik. Akta ini berperanan untuk melindungi maklumat rasmi kerajaan daripada kebocoran, penyalahgunaan atau pendedahan tanpa kebenaran yang dapat menjejaskan keselamatan negara (Shukri Ahmad Shahizam, 2021; Azlin Namili Mohd. Ali et al., 2020). Peruntukan dalam Seksyen 8 dan Seksyen 9 mengenakan hukuman berat terhadap pelanggaran kerahsiaan. Namun begitu, ARR 1972 didapati hanya berfungsi dalam kerangka rejim atau aturan kerahsiaan, iaitu melindungi rahsia rasmi tanpa menumpukan aspek tadbir urus dan perkongsian data antara agensi kerajaan. Pendekatannya tertumpu pada larangan dan sekatan semata-mata. Akta ini tidak menyediakan mekanisme undang-undang yang membolehkan pengelasan, pengubahan status atau perkongsian data dilakukan secara sistematik dan bertanggungjawab. Hal ini menyebabkan akta ini lebih berfungsi sebagai instrumen kawalan kerahsiaan berbanding sebagai pemudah cara perkongsian data kerajaan.

Sebaliknya, APDP 2010 yang dipinda pada tahun 2024 diperkenalkan bagi melindungi privasi data individu terhadap pemprosesan data peribadi dalam sektor swasta. Pindaan tersebut memperkuat kerangka perundangan dengan pengenalan konsep baharu, seperti pengawal data, data biometrik dan pelanggaran data peribadi, serta kewajiban pelantikan Pegawai Perlindungan Data (Adlin Abdul Majid et al., 2023; Kherk Ying Chew et al., 2025). Walaupun menunjukkan komitmen terhadap keselamatan data, bidang kuasa APDP 2010 tidak meliputi sektor awam sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 3 akta ini (Alibeigi & Munir, 2021; Edwin, 2013; Abu Bakar Munir et al., 2014). Keadaan ini mewujudkan standard duaan terhadap perlindungan data, iaitu sektor swasta tertakluk pada pematuhan dasar privasi yang ketat, manakala sektor awam sebagai pengumpul dan pemproses data terbesar di Malaysia. Kedua-duanya beroperasi tanpa kewajiban undang-undang yang seragam (Abu Bakar Munir et al., 2015; Syafini Samsudin & Mohd Hizam Hanafiah, 2024). Jurang ini bukan sahaja menimbulkan risiko terhadap perlindungan privasi individu, malah berpotensi untuk menjejaskan kepercayaan awam terhadap inisiatif pendigitalan dan perkongsian data kerajaan (Abu Bakar Munir et al., 2015; Gong, 2024; Mohd Amiruddin Hamzah et al., 2020).

Secara keseluruhan, kewujudan ARR 1972 dan APDP 2010 menunjukkan bahawa kerangka undang-undang sedia ada jelas, bersifat terpisah dan tidak

menyediakan satu asas perundangan yang menyeluruh bagi perkongsian data sektor awam. Jurang pengawalseliaan inilah yang menjadi justifikasi utama bagi pengenalan Akta Perkongsian Data 2025 sebagai usaha untuk mewujudkan keseragaman, kepastian undang-undang dan tadbir urus data kerajaan yang lebih sistematik.

## **LATAR BELAKANG AKTA PERKONGSIAN DATA 2025**

Penggubalan APD 2025 menandakan suatu langkah penting bagi memperkukuh tadbir urus data negara dan memastikan perkongsian data sektor awam dapat dilaksanakan secara selaras, selamat dan bertanggungjawab (Kementerian Digital, 2024; Serene Kan & Nicole Shieh, 2025). Keperluan terhadap akta ini berpunca daripada kekangan kerangka undang-undang sedia ada yang tidak lagi memadai untuk menangani cabaran tadbir urus data dalam pentadbiran berasaskan data. Akta Rahsia Rasmi 1972 menumpukan perlindungan maklumat rasmi kerajaan melalui rejim kerahsiaan, manakala APDP 2010 (Pindaan 2024) pula terhad pada perlindungan data peribadi dalam sektor swasta. Ketiadaan mekanisme undang-undang yang jelas dan seragam bagi mengawal perkongsian data antara agensi kerajaan mewujudkan jurang yang ketara dalam tadbir urus data sektor awam (Kementerian Digital, 2024).

Dalam konteks pentadbiran moden berasaskan data, setiap kementerian dan agensi kerajaan di Malaysia berfungsi sebagai pengumpul utama pelbagai jenis maklumat dalam bidang tertentu, seperti kesihatan, pendidikan, ekonomi, keselamatan dan digital (Ahmad Ashraf Ahmad Shaharudin, 2021; Gong, 2024). Namun begitu, amalan pengurusan data secara *in silo* menjejaskan integrasi dan kecekapan perkongsian maklumat merentas agensi (Lim Li Lian, 2024). Keadaan ini bukan sahaja menghalang pelaksanaan dasar berasaskan bukti, malah menimbulkan isu yang berkaitan dengan penyelarasan keselamatan, integriti dan piawaian data antara kementerian. Oleh itu, rasional utama penggubalan APD 2025 adalah untuk mewujudkan satu kerangka undang-undang yang dapat menyelaraskan perkongsian data sektor awam secara berstruktur melalui penubuhan Jawatankuasa Perkongsian Data Negara dan pelantikan Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara sebagai entiti pengawalseliaan yang memastikan pematuhan terhadap prinsip keselamatan, integriti dan kebertanggungjawaban.

Penggubalan APD 2025 turut mencerminkan usaha Malaysia bagi mengikuti amalan terbaik antarabangsa. Penggubalan Akta Perkongsian Data 2025 turut mencerminkan usaha Malaysia untuk menyelaraskan tadbir urus data sektor awam dengan prinsip tadbir urus data yang diiktiraf pada

peringkat antarabangsa. Namun demikian, pengaruh prinsip tersebut tidak diterima secara langsung, sebaliknya diterjemahkan melalui pendekatan perundangan yang disesuaikan dengan struktur pentadbiran nasional. Prinsip, seperti penilaian impak perlindungan data, keterbukaan terkawal dan pembinaan kepercayaan awam, sebagaimana yang diketengahkan oleh OECD, serta prinsip FAIR data berfungsi sebagai kerangka rujukan konseptual bagi mengimbangi keperluan antara capaian data dengan perlindungan keselamatan dan integriti maklumat (OECD, 2019, 2025). Dalam konteks APD 2025, prinsip ini dizahirkan bukan sebagai kewajipan abstrak, tetapi melalui pembentukan mekanisme kawal selia yang menetapkan syarat, had dan prosedur perkongsian data sektor awam.

Tambahan pula, pendekatan ini sejajar dengan perkembangan undang-undang data di Kesatuan Eropah, khususnya melalui EU Data Governance Act dan EU Data Act yang menekankan peranan perantara data yang dipercayai bagi mengurangkan risiko penyalahgunaan data dan konflik kepentingan dalam perkongsian data antara sektor awam dengan sektor swasta (EU Data Act, 2025; Qamarul Nazrin Harun, 2025). Walau bagaimanapun, ada juga perbezaan dengan kerangka Kesatuan Eropah yang memperuntukkan struktur perantaraan data secara terperinci apabila APD 2025 memilih model pengawalseliaan berpusat melalui Jawatankuasa Perkongsian Data Negara dan Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara (Rang Undang-undang Perkongsian Data, 2024). Pemilihan model ini menunjukkan pendekatan perundangan Malaysia yang lebih berhati-hati dengan mengekalkan kawalan pentadbiran yang kuat bagi memastikan perkongsian data sektor awam dilaksanakan secara terkawal, bertanggungjawab dan selaras dengan undang-undang sedia ada. Bahagian seterusnya menumpukan penelitian lanjut APD 2025.

## **SKOP DAN KANDUNGAN AKTA PERKONGSIAN DATA 2025**

Penilaian terhadap keupayaan Akta Perkongsian Data 2025 bagi menangani cabaran tadbir urus perkongsian data sektor awam memerlukan pengamatan terhadap struktur dan kandungan peruntukan akta ini secara berperingkat. Ulasan terhadap setiap bahagian akta bukan sahaja untuk menghuraikan skop peruntukan yang diperkenalkan, tetapi juga menilai fungsi perundangannya dalam pembentukan kerangka pengawalseliaan perkongsian data yang selaras, selamat dan bertanggungjawab. Sehubungan dengan itu, perbincangan berikut menumpukan analisis peruntukan utama APD 2025. Setiap bahagian dan seksyen yang terkandung dijelaskan mengikut urutan.

### **Bahagian I (Seksyen 1 hingga Seksyen 4): Permulaan**

Bahagian pertama dalam akta ini memperuntukkan perkara asas yang berkaitan dengan tajuk ringkas, tarikh kuat kuasa, tafsiran istilah utama dan prinsip pelaksanaan akta. Walaupun bersifat permulaan, peruntukan dalam bahagian ini penting kerana menentukan skop dan asas perundangan bagi pelaksanaan perkongsian data sektor awam di bawah akta ini.

Merujuk Seksyen 3, APD 2025 menetapkan beberapa tafsiran teras yang menjadi rujukan utama bagi pelaksanaan perkongsian data, khususnya istilah, seperti “agensi sektor awam”, “integrasi data”, “kerja analitis data”, “pembekal data” dan “penerima data”. Tafsiran ini menunjukkan bahawa akta memfokuskan penggunaan integrasi dan analitik data sebagai mekanisme sokongan bagi pembuatan dasar, strategi dan keputusan kerajaan yang berasaskan data, selaras dengan pendekatan pentadbiran moden berasaskan bukti.

Sementara itu, Seksyen 4 memperuntukkan prinsip perkongsian data dengan penetapan bahawa APD 2025 hendaklah dibaca bersama-sama undang-undang bertulis lain yang berkuat kuasa. Peruntukan ini menegaskan prinsip keharmonian undang-undang secara langsung, iaitu pelaksanaan perkongsian data sektor awam tertakluk pada keperluan keselamatan dan kerahsiaan yang ditetapkan di bawah undang-undang sedia ada, termasuklah rejim keselamatan maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Dengan itu, seksyen ini berfungsi sebagai mekanisme penyelarasan perundangan yang memastikan pelaksanaan APD 2025 tidak bercanggah dengan tanggungjawab keselamatan maklumat kerajaan.

### **Bahagian II (Seksyen 5 hingga Seksyen 10): Jawatankuasa Perkongsian Data Negara**

Bahagian ini dimulakan dengan Seksyen 5 yang memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Perkongsian Data Negara. Jawatankuasa ini bertanggungjawab terhadap jemaah menteri dan dipengerusikan oleh ketua setiausaha kementerian yang mengurus hal ehwal digital. Keanggotaan jawatankuasa melibatkan wakil daripada semua kementerian, Jabatan Perdana Menteri, Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan, Agensi Keselamatan Siber Negara dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi. Komposisi ini menunjukkan bahawa struktur tadbir urus yang diwujudkan bersifat menyeluruh dan inklusif yang melibatkan gabungan kepakaran pelbagai agensi strategik bagi memastikan pelaksanaan dasar perkongsian data dilakukan secara bersepadu dan bertanggungjawab.

Di bawah Seksyen 6, fungsi jawatankuasa diperincikan yang merangkumi pembentukan urus tadbir yang berkaitan dengan perkongsian data, penyeliaan pelaksanaan akta, penyelesaian isu pentadbiran dan penggubalan dasar yang berkaitan dengan pangkalan data sektor awam. Subseksyen 6(2) dan (3) turut memperuntukkan bahawa dasar tersebut boleh meliputi pembangunan tatacara perlindungan data, pengurusan risiko dan kaedah perkongsian yang selamat.

Kuasa jawatankuasa diperkukuh melalui Seksyen 7 yang membenarkan jawatankuasa perkongsian data mengeluarkan arahan, menetapkan dasar dan tatacara pelaksanaan yang mempunyai kesan perundangan terhadap agensi sektor awam. Dari perspektif undang-undang pentadbiran, peruntukan ini mencerminkan pengagihan kuasa pengawalseliaan yang jelas, termasuklah dalam aspek keselamatan digital, piawaian pelaporan dan pengurusan maklumat. Seterusnya, Seksyen 8 memperincikan keperluan teknikal, seperti penyulitan data, keselamatan pelayan dan kebolehoperasian pangkalan data kerajaan, sekali gus menunjukkan bahawa aspek teknikal perkongsian data turut diberikan pengiktirafan sebagai elemen penting yang diambil kira dalam pematuhan undang-undang.

Pada akhir bahagian ini, Seksyen 9 dan Seksyen 10 mengukuhkan prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pelaksanaan akta. Seksyen 9 mewajibkan jawatankuasa untuk melaporkan kemajuan pelaksanaan dasar kepada jemaah menteri secara berkala, termasuklah laporan tahunan yang menilai keberkesanan pelaksanaan perkongsian data dan mencadangkan penambahbaikan dasar. Hal ini bukan sahaja memastikan kebertanggungjawaban terhadap pihak pembuat dasar tertinggi, tetapi juga menegaskan komitmen kerajaan terhadap tadbir urus yang telus. Seterusnya, Seksyen 10 memperuntukkan kuasa kepada jawatankuasa untuk menubuhkan jawatankuasa kecil bagi melaksanakan fungsi khusus, seperti keselamatan maklumat, etika dan analitis data. Mekanisme ini mencerminkan prinsip pengagihan kuasa yang berkesan dalam undang-undang pentadbiran dan memastikan pelaksanaan dasar dilakukan berdasarkan kepakaran teknikal tanpa menjejaskan kuasa kawalan badan induk.

### **Bahagian III (Seksyen 11): Kewajipan dan Kuasa Ketua Pengarah**

Seksyen 11 Akta Perkongsian Data 2025 memperuntukkan peranan, kewajipan dan kuasa ketua pengarah sebagai pegawai pelaksana utama di bawah akta ini. Seksyen tersebut mengandungi dua subseksyen yang secara jelas memperincikan fungsi substantif, serta skop kuasa ketua pengarah dalam pelaksanaan dasar dan strategi yang ditetapkan oleh jawatankuasa. Dengan berdasarkan Subseksyen 11(1)(a) hingga (f), ketua pengarah

diberi enam kuasa dan tanggungjawab utama, termasuklah peranan untuk melaksanakan dasar dan strategi yang berkaitan dengan perkongsian data sebagaimana yang ditetapkan oleh jawatankuasa.

Selain itu, ketua pengarah turut dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan dan memudahkan cara proses perkongsian data antara agensi sektor awam, memastikan semua urusan permohonan, peralihan dan pengurusan data dilakukan secara sistematik mengikut prosedur yang digariskan oleh akta. Ketua pengarah juga berperanan untuk menasihati dan mengemukakan syor kepada jawatankuasa berhubung perkara yang berkaitan dengan perkongsian data, menjadikannya bukan sekadar pegawai pelaksana, tetapi turut bertindak sebagai penasihat dasar dan teknikal. Kuasa ketua pengarah turut diperluas melalui Subseksyen (d) dan Subseksyen (e) yang membolehkannya menghendaki mana-mana pihak untuk mengemukakan maklumat relevan, serta mengeluarkan pekeliling atau garis panduan rasmi bagi menjelaskan tatacara pelaksanaan, tanggungjawab agensi dan piawaian keselamatan data.

Akhir sekali, Subseksyen 11(1)(f) memberikan ruang kepada ketua pengarah untuk melaksanakan sebarang tugas tambahan yang diarahkan oleh jawatankuasa. Subseksyen 11(2) memperluas kuasa ketua pengarah dengan memberikan kuasa pelengkap bagi melakukan apa-apa tindakan yang perlu yang berkaitan atau bersampingan dengan kewajipan di bawah akta ini. Peruntukan ini membolehkan ketua pengarah bertindak secara munasabah dan fleksibel untuk memastikan pelaksanaan akta berjalan lancar dan berkesan walaupun tindakan tersebut tidak dinyatakan secara khusus dalam akta.

#### **Bahagian IV (Seksyen 12 hingga Seksyen 21): Perkongsian Data**

Seksyen 12 memperuntukkan mekanisme awal bagi permintaan perkongsian data. Menerusi Subseksyen (1), mana-mana agensi sektor awam boleh meminta data daripada agensi sektor awam lain melalui cara yang ditentukan oleh ketua pengarah. Kuasa ketua pengarah ini bersifat penyeliaan, iaitu menentukan tatacara pentadbiran permintaan supaya pelaksanaan dilakukan secara seragam. Subseksyen (2) pula memperincikan kandungan yang mesti dinyatakan dalam permintaan tersebut, iaitu jenis data yang diminta, tujuan permintaan, identiti agensi pembekal dan penerima data, serta kaedah pengendalian data yang diminta. Peruntukan ini menunjukkan bahawa permohonan mestilah bagi tujuan yang jelas, beralasan dan telus, bukan berbentuk permintaan umum atau arbitrari. Seterusnya, Subseksyen (3) menjelaskan takrifan kawalan data, iaitu sesuatu agensi dianggap mempunyai kawalan jika data itu

berada dalam pemilikan atau penjagaan agensi tersebut. Takrif ini penting bagi menentukan tanggungjawab undang-undang atas pemilikan dan pemindahan data.

Seksyen 13 menetapkan tujuan sah bagi permintaan dan pemberian data. Akta ini memperincikan lima tujuan yang sah. Antaranya termasuklah untuk meningkatkan keberkesanan dasar dan penyampaian perkhidmatan awam, melindungi keselamatan dan kesihatan awam, menangani hal kecemasan, memenuhi kepentingan awam, serta apa-apa tujuan lain yang ditentukan oleh jawatankuasa. Peruntukan ini menegaskan bahawa perkongsian data mestilah berpaksikan kepentingan awam, bukannya tujuan peribadi, komersial atau politik. Seksyen ini juga memperlihatkan prinsip kebertanggungjawaban kerana hanya tujuan yang jelas dan wajar boleh menjadi asas bagi tindakan undang-undang untuk memperoleh atau menolak data.

Seksyen 14 memperuntukkan kewajipan penilaian oleh agensi yang menerima permintaan data. Setelah menerima permintaan, agensi tersebut perlu menilai kewajaran tujuan yang dinyatakan untuk perkongsian data, percanggahannya dengan kepentingan awam, dan kecukupan perlindungan keselamatan dan teknikal agensi pemohon. Penilaian ini bukan bersifat formaliti semata-mata, tetapi berfungsi sebagai mekanisme kawalan bagi mengelakkan risiko kebocoran data dan penyalahgunaan maklumat. Subseksyen (2) menetapkan tempoh empat belas hari untuk memberikan maklum balas kepada agensi pemohon, sama ada permintaan diluluskan, ditolak atau ditangguhkan. Jika maklum balas tidak dapat diberikan dalam tempoh 14 hari, Subseksyen (3) mewajibkan agensi berkenaan untuk memberikan sebab dan menyatakan tempoh baharu bagi maklum balas. Menerusi Subseksyen (4), semua komunikasi ini hendaklah dilakukan mengikut cara yang ditentukan oleh ketua pengarah.

Seksyen 15 menyediakan asas untuk penolakan permintaan perkongsian data kepada agensi awam. Agensi pembekal data boleh menolak sebahagian atau keseluruhan data atas sebab yang diperincikan secara jelas. Antaranya termasuklah data yang dapat mendedahkan identiti sumber maklumat sulit yang berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang dan data yang bertentangan dengan tujuan di bawah seksyen 13, atau agensi pemohon tidak mempunyai perlindungan keselamatan dan teknikal yang sesuai. Penolakan juga boleh dilakukan atas alasan yang ditentukan oleh jawatankuasa. Antara alasan tambahan tersebut termasuklah data yang dapat menzahirkan maklumat risikan, metodologi penyiasatan, pelanggaran keistimewaan undang-undang, atau maklumat yang berkaitan dengan keselamatan dan

pertahanan negara. Seksyen ini menunjukkan bahawa walaupun akta ini bertujuan untuk menggalakkan perkongsian data, keseimbangan perlu ada antara keterbukaan dengan keselamatan maklumat yang ditetapkan.

Seksyen 16 memperuntukkan kewajipan bersama pembekal dan penerima data selepas perkongsian dilakukan. Kedua-duanya perlu mengurus dan menyenggara data mengikut kehendak undang-undang, memastikan keselamatan dan privasi data, serta melindungi hak individu yang berkaitan dengan data peribadi. Antara langkah penting termasuklah perlindungan daripada kehilangan, penyalahgunaan, capaian tanpa kebenaran dan pemusnahan yang tidak disengajakan. Pembekal dan penerima data juga diwajibkan untuk menyimpan rekod butiran perkongsian dan melaporkan sebarang perkongsian tanpa kebenaran kepada ketua pengarah. Tambahan pula, pembekal dan penerima data mesti mematuhi kehendak lain yang ditentukan oleh jawatankuasa. Seksyen ini merupakan teras bagi tanggungjawab operasi kerana memastikan kedua-dua pihak berkongsi tanggungjawab terhadap keselamatan dan integriti data yang dikendalikan.

Seksyen 17 memberikan perhatian terhadap pelibatan pihak ketiga dalam pemprosesan data. Jika penerima data membuat perkiraan dengan pihak ketiga untuk melaksanakan pemindahan, integrasi atau analisis data, persetujuan bertulis daripada pembekal data mesti diperoleh terlebih dahulu. Subseksyen (2) menetapkan kewajipan pihak ketiga untuk mengendalikan data mengikut akta dan piawaian keselamatan yang ditetapkan. Pelanggaran subseksyen ini merupakan suatu kesalahan jenayah yang boleh dikenakan hukuman, iaitu denda hingga satu juta ringgit atau dipenjarakan dalam tempoh lima tahun, atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 18 memperkukuh perlindungan data melalui sekatan terhadap penggunaan atau pendedahan selanjutnya. Pegawai atau pekhidmat kepada penerima data tidak boleh menggunakan atau menzahirkan data bagi tujuan selain daripada yang dibenarkan. Pelanggaran Subseksyen (1) juga merupakan kesalahan jenayah dengan hukuman yang sama seperti Seksyen 17. Peruntukan ini menegaskan prinsip asas bahawa data yang dikongsi hendaklah digunakan hanya untuk tujuan asal, selaras dengan objektif permintaan yang diluluskan.

Seksyen 19 memperuntukkan bahawa perkongsian data ialah suatu yang tertakluk dan boleh dikenakan fi sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang bertulis lain. Hal ini bermaksud bahawa pembekal data berhak untuk mengenakan bayaran bagi kos pemprosesan atau pentadbiran sekiranya dibenarkan oleh peraturan yang berkuat kuasa. Seksyen ini mengiktiraf aspek kewangan dalam pengurusan data kerajaan tanpa menjejaskan prinsip utama keterbukaan maklumat.

Seksyen 20 memperkenalkan konsep perkongsian data terbuka. Seksyen ini memperuntukkan bahawa data yang tersedia secara bebas oleh mana-mana agensi sektor awam boleh dicapai dan dikongsi tanpa memerlukan permintaan rasmi di bawah Seksyen 12. Dengan erti kata lain, data yang dikategorikan sebagai “data terbuka” bebas dicapai dan tidak tertakluk pada prosedur permohonan biasa. Seksyen ini menjadi pelengkap bagi mekanisme perkongsian data tertutup yang mewujudkan dua kategori utama, iaitu data yang memerlukan kebenaran dan data yang boleh dicapai secara umum.

Akhir sekali, Seksyen 21 menetapkan kewajipan pelaporan kepada ketua pengarah. Setiap agensi sektor awam hendaklah menyediakan laporan bertulis mengenai butiran permintaan perkongsian data, maklum balas yang diberikan, sebab penolakan (jika ada), serta maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh ketua pengarah. Subseksyen (2) pula memperuntukkan bahawa laporan ini hendaklah dikemukakan dari semasa ke semasa mengikut ketetapan ketua pengarah.

Bahagian ini didapati membentuk teras mekanisme perundangan bagi pelaksanaan perkongsian data sektor awam. Seksyen 12 hingga Seksyen 15 menetapkan proses permintaan, penilaian dan penolakan perkongsian data. Peruntukan ini memberikan gambaran bahawa beberapa prinsip perlindungan data peribadi dalam APDP 2024 turut digunakan. Contohnya, prinsip penzahiran data, prinsip keselamatan data dan prinsip integriti. Seksyen 16 hingga Seksyen 21 memperincikan kewajipan pascaperkongsian data, kawalan terhadap penggunaan data dan mekanisme kebertanggungjawaban. Secara keseluruhan, bahagian ini mencerminkan pendekatan berstruktur yang mengimbangi antara keperluan capaian data dengan perlindungan keselamatan dan kepentingan awam.

### **Bahagian V (Seksyen 22 hingga Seksyen 29): Peruntukan Am**

Bahagian terakhir mengandungi peruntukan penguatkuasaan dan perlindungan undang-undang. Bahagian ini dapat dianggap sebagai pelengkap yang memperkukuh pelaksanaan APD 2025 melalui mekanisme penguatkuasaan, tanggungjawab undang-undang dan perlindungan bagi pegawai awam. Selain itu, bahagian ini turut memperuntukkan kuasa menteri dalam aspek pelaksanaan dasar dan penggubalan peraturan kecil bagi memastikan keberkesanan pentadbiran akta.

Seksyen 22 memperuntukkan kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan kepada pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada sarjan. Pegawai tersebut diberi segala kuasa yang diperuntukkan

dalam Kanun Tatacara Jenayah bagi tujuan penguatkuasaan dan penyalakan kesalahan di bawah akta ini. Peruntukan ini memastikan bahawa orang yang melanggar mana-mana peruntukan boleh disiasat menggunakan tatacara jenayah yang sah yang setara dengan kesalahan di bawah undang-undang jenayah lain. Dengan itu, akta ini bukan hanya bersifat pentadbiran, tetapi mempunyai kuasa perundangan yang dapat dikuatkuasakan melalui saluran penyalakan jenayah.

Seksyen 23 menetapkan kewajipan kerahsiaan yang mutlak terhadap semua pegawai agensi sektor awam. Subseksyen (1) menetapkan bahawa tiada pegawai boleh menzahirkan sebarang maklumat yang diperoleh ketika melaksanakan tugasnya, kecuali bagi maksud akta atau prosiding sivil dan jenayah yang sah. Kewajipan ini berkuat kuasa dalam tempoh perkhidmatan dan berterusan selepas seseorang pegawai meninggalkan jawatan. Subseksyen (2) pula memperuntukkan hukuman bagi pelanggaran kewajipan ini, iaitu denda maksimum satu juta ringgit atau dipenjarakan dalam tempoh lima tahun, atau kedua-duanya sekali. Peruntukan ini melindungi data kerajaan daripada pendedahan tanpa kebenaran yang dapat menjejaskan keselamatan negara atau kepentingan awam.

Seksyen 24 memberikan perlindungan undang-undang kepada menteri, anggota jawatankuasa, ketua pengarah, serta pegawai atau pekhidmat agensi sektor awam terhadap sebarang tindakan guaman berhubung dengan tugas rasmi yang dilaksanakan di bawah akta ini. Perlindungan ini hanya terpakai sekiranya tindakan tersebut dilakukan dengan niat baik dan atas sebab yang munasabah. Namun begitu, pengecualian diberikan jika dapat dibuktikan bahawa perbuatan itu dilakukan dengan niat jahat atau tanpa alasan munasabah. Seksyen ini mengekalkan prinsip asas tanggungjawab awam, iaitu pegawai pelaksana dilindungi daripada tindakan sivil atau jenayah yang tidak berasas, tetapi masih tertakluk pada tanggungjawab peribadi jika berlaku penyalahgunaan kuasa.

Seksyen 25 pula memperuntukkan bahawa pendakwaan bagi kesalahan di bawah akta ini hanya boleh dimulakan oleh atau dengan keizinan bertulis pendakwa raya. Hal ini menjadikan kuasa pendakwaan tertakluk sepenuhnya di bawah bidang kuasa peguam negara selaras dengan Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini memastikan bahawa sebarang tindakan pendakwaan dilakukan melalui kawalan sah institusi pendakwaan negara, dan mengelakkan penyalahgunaan kuasa atau pendakwaan tanpa asas undang-undang yang kukuh.

Seksyen 26 menegaskan tanggungan jenayah bagi badan berkanun dan pegawainya. Jika sesuatu kesalahan dilakukan oleh badan berkanun, mana-mana individu yang bertindak sebagai pengarah, pengurus, pegawai

pematuhan atau pegawai lain boleh didakwa bersama-sama atau berasingan dengan badan berkanun tersebut. Subseksyen (b) memperuntukkan bahawa jika badan berkanun disabitkan, individu tersebut juga dianggap bersalah melainkan dapat dibuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuannya atau tanpa persetujuannya, dan segala langkah munasabah telah dilakukan untuk menghalang pelanggaran tersebut.

Seksyen 27 memberikan kuasa kepada menteri untuk mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada peruntukan akta melalui perintah yang disiarkan dalam warta. Kuasa ini boleh dilaksanakan, tetapi tertakluk pada syarat atau sekatan yang difikirkan perlu atau sesuai manfaat. Seksyen 28 memperuntukkan kuasa menteri untuk memberikan arahan kepada ketua pengarah selaras dengan peruntukan akta. Dalam hal ini, ketua pengarah mempunyai kewajipan undang-undang untuk mematuhi arahan tersebut.

Peruntukan terakhir dalam akta ini ialah Seksyen 29 yang memberikan kuasa kepada menteri untuk meminda jadual dalam bahagian akhir undang-undang ini melalui perintah yang disiarkan dalam warta setelah berunding dengan menteri yang bertanggungjawab terhadap undang-undang bertulis yang berkaitan. Hal ini membolehkan penyesuaian terhadap peruntukan jadual dilakukan tanpa perlu melalui proses pindaan legislatif penuh di Parlimen.

## **ANALISIS AKTA PERKONGSIAN DATA 2025 DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

Dengan berdasarkan penelitian terhadap APD 2025, jelaslah bahawa akta ini penting untuk memperkukuh tadbir urus data kerajaan dan menyatukan sistem perkongsian maklumat antara agensi sektor awam yang sebelum ini beroperasi secara terpisah atau *in silo*. Dari segi fungsinya, akta ini harus dilihat sebagai pelengkap bagi struktur tadbir urus data sedia ada dalam sektor awam. Melalui peruntukan Seksyen 5 hingga Seksyen 11, akta ini berjaya mewujudkan struktur tadbir urus berpusat yang diketuai oleh ketua pengarah dengan pengawasan jawatankuasa yang membolehkan perkongsian data dilakukan secara selaras, terkawal dan bertanggungjawab. Namun begitu, keberkesanan pelaksanaan akta ini masih bergantung pada tahap kesediaan setiap kementerian dan agensi kerajaan bagi mengadaptasikan sistem saling kendali, serta melaksanakan dasar secara substantif, bukan sekadar mematuhi keperluan tatacara semata-mata. Tanpa keupayaan teknikal dan institusi yang mencukupi, pematuhan terhadap akta ini berisiko terhadap pemenuhan keperluan tatacara semata-mata dan akan menjejaskan implementasi akta secara praktikal.

Dari perspektif keselamatan dan privasi data, APD 2025 memperuntukkan beberapa mekanisme penting melalui Seksyen 12 hingga Seksyen 18 bagi memastikan keselamatan, kerahsiaan dan capaian terkawal terhadap data. Peruntukan ini mencerminkan komitmen kerajaan terhadap prinsip keselamatan maklumat. Namun begitu, perlindungan terhadap data peribadi individu masih bersifat umum sebagaimana yang termaktub dalam Seksyen 16(b)(ii) yang hanya menyatakan “pemeliharaan hak individu yang berhubungan dengan perlindungan data peribadi”. Oleh itu, tanggungjawab untuk melindungi data peribadi masih berada di bawah APDP 2010, manakala APD 2025 berperanan untuk melengkapi aspek tadbir urus bagi sektor awam. Bagi memperkukuh keseimbangan antara keterbukaan data dengan perlindungan privasi, peruntukan APD 2025 wajar diperkemas dengan mekanisme yang lebih jelas, khususnya keperluan penilaian risiko sebelum perkongsian data bagi memastikan potensi implikasi terhadap privasi individu dikenal pasti dan ditangani secara sistematik.

Selain itu, APD 2025 juga bukan instrumen yang berfungsi secara terasing, sebaliknya melengkapi dua undang-undang utama sedia ada, iaitu ARR 1972 dan APDP 2010. Hubungannya dengan ARR 1972 memperlihatkan peluasan konsep pengurusan maklumat rasmi kepada konteks digital dengan memastikan perkongsian data kerajaan tidak menjejaskan prinsip kerahsiaan yang dilindungi oleh undang-undang. Pada masa yang sama, hubungannya dengan APDP 2010 menzahirkan kesinambungan fungsi antara sektor awam dengan sektor swasta dalam pemprosesan data. Bagi memastikan keseragaman pentafsiran dan kejelasan bidang kuasa antara ketiga-tiga akta ini, suatu mekanisme harmonisasi yang lebih jelas wajar diwujudkan. Harmonisasi tersebut dapat dicapai melalui beberapa cara. Pertama, mewujudkan garis panduan pentadbiran yang menetapkan skop dan had perkongsian data antara sektor awam dengan sektor swasta, khususnya apabila melibatkan data peribadi individu. Kedua, menyediakan tafsiran kehakiman yang konsisten terhadap hubungan antara APD 2025, ARR 1972 dan APDP 2010 yang dapat menjelaskan skop kuasa dan had pelaksanaan setiap akta bagi mengelakkan bacaan yang terlalu literal. Pendekatan harmonisasi ini diperlukan bagi mengelakkan pertindihan bidang kuasa dan memastikan perlindungan privasi data dapat dilaksanakan secara selaras dan bertanggungjawab.

## KESIMPULAN

Akta Perkongsian Data 2025 merupakan inisiatif perundangan yang signifikan dalam memperkukuh kerangka urus tadbir data sektor awam

di Malaysia dengan menyediakan asas bagi perkongsian data yang lebih tersusun, terkawal dan berpaksikan kebertanggungjawaban. Ulasan ini menegaskan bahawa APD 2025 bukan instrumen yang beroperasi secara terasing, sebaliknya melengkapi undang-undang teras sedia ada, khususnya Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, sekali gus mencerminkan usaha pengharmonian antara keperluan keterbukaan data kerajaan dengan perlindungan keselamatan, kerahsiaan dan hak privasi individu. Secara keseluruhan, ulasan ini menilai potensi APD 2025 sebagai pemangkin bagi pembangunan tadbir urus data sektor awam yang lebih sistematik, selamat dan beretika, serta menekankan kepentingan kewujudan mekanisme pengharmonian antara undang-undang berkaitan, sama ada melalui pendekatan pentadbiran atau kehakiman, sebagai asas rujukan bagi pembentukan kerangka tadbir urus data sektor awam yang lebih tersusun pada masa hadapan.

## RUJUKAN

- Abu Bakar Munir, Siti Hajar Mohd Yasin, & Ershadul Karim. (2014). Malaysia's Personal Data Protection Act: Is it too little? *Data Protection Law in Asia* (hlm. 181–202). Sweet & Maxwell.
- Abu Bakar Munir, Siti Hajar Mohd Yasin, & Firdaus Muhammad-Sukki. (2015). Big data: Big challenges to privacy and data protection. *International Journal of Social, Education, Economics and Management Engineering*, 9(1), 355–363.
- Ahmad Ashraf Ahmad Shaharudin. (2021). *Open Government Data in Malaysia: Landscape, challenges and aspirations* (KRI Discussion Paper No. 3/21). Khazanah Research Institute. <https://www.krinstitute.org/publications/open-government-data-in-malaysia-landscape-challenges-and-aspirations>
- Akta Perkongsian Data 2025 (Akta 864). (2025). *Percetakan Nasional Malaysia Berhad*.
- Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) (Pindaan 2024). (2024). *Percetakan Nasional Malaysia Berhad*.
- Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88). (2006). *Percetakan Nasional Malaysia Berhad*.
- Alibeigi, A., & Munir, A. B. (2021). Malaysian Personal Data Protection Act, a mysterious application. *University of Bologna Law Review*, 5(2), 362–374.
- Azlin Namili Mohd. Ali @ Ramli, Aspalella Abdul Rahman, & Nurli Yaacob, N. (2020). Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010: Adakah selari dengan kehendak UNCAC dan UNCAC implementation review group (IRG) dan conference of states parties (COSP)? *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(13), 81–90.
- Edwin, L. Y. C. (2013). Personal Data Protection Act 2010: An overview analysis. Dlm. L. Y. C. Edwin & N. Ismail (Pnyt.), *Beyond data protection* (hlm. 31–64). Springer.

- EU Data Act. (2025). European Commission.
- Gong, R. (2024). *Enhancing data governance in Malaysia: Prioritising protections, accountability, and efficiency*. Khazanah Research Institute. <https://www.krinstitute.org/publications/enhancing-data-governance-in-malaysia-prioritising-protections-accountability-and-efficiency-cetvq>
- Kementerian Digital. (2024). *Malaysia passes Landmark Law that allows data sharing between Federal Government Agencies*. Kementerian Digital.
- Kherk Ying Chew, Serene Kan, & Jade Cho. (2025). *Malaysia: Public consultations on data protection impact assessments, data protection by design and automated decision making and profiling*. Bakers & McKenzie Insight Plus.
- Lim Li Lian. (2024, 20 April). My say: Mission Madani: Now is not the time to work in silos. *The Edge*.
- Mohd Amiruddin Hamzah, Saiful Farik Mat Yatin, Maisahara Yusof, Tunku Sofiah Larasih T. Zainol Rashid, Hasnah Shuhaimi, Abu Bakar Suleiman, Ahmad Nazri Mansor, & Khairul Mizan Taib. (2020). Big data implementation in Malaysian public sector: A review. *International Journal of Academic Research In Business and Social Sciences*, 10(11), 1461–1474.
- OECD. (2019). *Enhancing access to and sharing of data*. OECD Publishing. [https://www.oecd.org/content/dam/oecd/en/publications/reports/2019/11/enhancing-access-to-and-sharing-of-data\\_070835df/276aaca8-en.pdf](https://www.oecd.org/content/dam/oecd/en/publications/reports/2019/11/enhancing-access-to-and-sharing-of-data_070835df/276aaca8-en.pdf)
- OECD. (2025). *Enhancing access to and sharing of data in the age of artificial intelligence*. OECD Publishing. [https://www.oecd.org/en/publications/enhancing-access-to-and-sharing-of-data-in-the-age-of-artificial-intelligence\\_23a70dca-en.html](https://www.oecd.org/en/publications/enhancing-access-to-and-sharing-of-data-in-the-age-of-artificial-intelligence_23a70dca-en.html)
- Qamarul Nazrin Harun. (2025). Menilai semula kedaulatan data Malaysia: Kritikan struktural terhadap Akta Perkongsian Data 2025. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 6(10). <https://doi.org/10.47548/ijistra.2025.98>
- Rang Undang-undang Perkongsian Data. (2024) Parlimen Malaysia.
- Serene Kan, & Nicole Shieh. (2025, 9 Jun). Legislation: A reset for public sector data sharing. *The Edge*.
- Schwab, K. (2018). *Shaping the future of the fourth industrial revolution*. World Economic Forum.
- Shukri Ahmad Shahizam (2021). *Menyelaraskan Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972 dengan Undang-undang RTI Persekutuan yang baharu* (Policy Brief). Centre for Independent Journalism Malaysia. [https://strapi.bheuu.gov.my/uploads/Menyelaraskan\\_OSA\\_dengan\\_Undang\\_undang\\_RTI\\_Persekutuan\\_2021\\_CIJ\\_847930d431.pdf](https://strapi.bheuu.gov.my/uploads/Menyelaraskan_OSA_dengan_Undang_undang_RTI_Persekutuan_2021_CIJ_847930d431.pdf)
- Syafini Samsudin, & Mohd Hizam Hanafiah. (2024). Challenges in applying IR4.0 technologies to improve organizational structure and positions: The case of Malaysian Public Agencies. *Jurnal Pengurusan*, 70, 1–13. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2024-70-6>